

Latihan 1 – Ayat Pernyataan

Susun perkataan-perkataan di bawah supaya menjadi ayat pernyataan yang lengkap.

1. belajar – Sekolah – di – Kebangsaan – Ahmad – Jalan Empat

2. Zoo Negara – sekeluarga – Kami – ke – melawat

3. ialah – Bunga Raya – kebangsaan – kita – bunga

4. menolong – Haris – melintas – orang - itu – tua – jalan – untuk

5. subjek – mengajar – Pendidikan Islam – Cikgu Ilham – sekolah – di

Latihan 2 – Ayat Tanya

Tulis ayat tanya yang sesuai berdasarkan jawapan yang diberikan.

1. Ayat Tanya:

Jawapan: Kakak membeli kain langsir sepanjang tiga belas meter.

2. Ayat Tanya:

Jawapan: Buah rambutan ini rasanya manis dan sedap sekali.

3. Ayat Tanya:

Jawapan: Mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru akan diadakan pada hari Isnin minggu hadapan.

4. Ayat Tanya:

Jawapan: Nama saya Farhana binti Rasyid.

5. Ayat Tanya:

Jawapan: Aiman tidak hadir ke sekolah kerana tidak sihat.

